

FIBRUM Lancar Platform DESIRIUM VR dengan Pembiayaan \$1 Juta

MOSCOW, 20 September 2018/PRNewswire/ --

FIBRUM mengumumkan pelancaran platform DESIRIUM VR yang berpotensi untuk mengubah pasaran pengagihan kandungan VR.

Untuk melihat Hebahan Berita Multimedia, sila klik:

<https://www.multivu.com/players/uk/8406751-fibrum-announce-launch-desirium-vr-platform/>

FIBRUM menerima pelaburan sebanyak \$1 juta untuk pelancaran DESIRIUM. Dana-dana FunCubator dan NP Capital memimpin pusingan pelaburan ini.

DESIRIUM ialah produk unik untuk pasaran VR, yang mengagihkan kandungan hiburan. Pada 19 September 2018, platform ini diperkenalkan sebagai aplikasi dalam Oculus Store dan kini disediakan melalui set kepala [Oculus Go](#) dan [Samsung Gear VR](#).

“Kami percaya bahawa penyampaian dan penggunaan kandungan dalam realiti maya akan mengalami perubahan ketara dalam masa depan terdekat,” kata Ketua Pegawai Eksekutif FIBRUM Ilya Flaks. “Pengalaman selama bertahun-tahun dalam VR membolehkannya untuk membangunkan DESIRIUM sebagai ekosistem tunggal dalam industri dan memberi jaminan kepada pengguna kami menerusi pengalaman baharu yang luar biasa dengan VR.”

FIBRUM berhasrat untuk menarik pembangun-pembangun terbaik dengan menawarkan mereka model 70% perkongsian pendapatan. Versi pertama DESIRIUM akan menyertakan kandungan daripada 4 rakan kongsi.

Dalam DESIRIUM, FIBRUM beroperasi sebagai pembangun, penerbit dan pengedar kandungan VR. Pelaburan yang tertarik akan diberikan kepada R&D dan pemasaran kedua-dua produk itu sendiri dan program perkongsian.

Menjelang akhir tahun 2018, DESIRIUM akan dibawakan dalam set kepala mandiri utama di AS dan Asia. Sepanjang tempoh ini, pustaka kandungan sepatutnya dapat meningkat dua kali ganda.

Ketua pelabur bagi pusingan ini ialah dana FunCubator.

“Kami meluaskan portfolio pelaburan kami dengan VR,” kata Almas Abulkhairov, rakan kongsi FunCubator. - DESIRIUM menarik perhatian kami sebagai satu pakej penuh iaitu kandungan, pengagihan saluran dan pengguna.”

Pusingan pelaburan ini turut dikongsi oleh NP Capital.

“Kami percaya bahawa kemajuan berteknologi telah mengubah pola tingkah laku manusia. Orang ramai kini mempunyai lebih banyak masa lapang yang boleh dipenuhi oleh mereka melalui libur dan hiburan. Pasukan FIBRUM telah menemui bidang cemerlang dalam salah

satu bidang hiburan yang paling cerah, VR. Kami yakin bahawa projek ini berupaya mencapai kejayaan hebat,” kata Pengarah Pelaburan NP Capital, Armen Mikaelyan.

[DESIRIUM untuk Oculus GO](#)

[DESIRIUM untuk Samsung Gear VR](#)

[Treler rasmi DESIRIUM](#)

[Laman sesawang rasmi DESIRIUM](#)

Video:

<https://www.multivu.com/players/uk/8406751-fibrum-announce-launch-desirium-vr-platform/>

(Foto: <https://mma.prnewswire.com/media/746121/FIBRUM.jpg>)

Sumber: FIBRUM

Elena Shotadze, e.shotadze@fibrum.com, +7-916-174-25-26